

Mahathir benci saya - Apandi

UM - 4/12/2020 mb: 13

KUALA LUMPUR: Bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali akan membuktikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai pandangan yang negatif dan membencinya selain mendorong beliau dipecat tidak kira dengan cara apa sekalipun.

“Berbekalkan dorongan tersebut, plaintiff (Mohamed Apandi) telah ditamatkan jawatan secara tidak berperlembagaan dan tidak sah.

“Plaintif juga akan mengemukakan keterangan untuk menunjukkan peranan atau perkenan Yang di-Pertuan Agong tidak diambil kira atau dipertimbangkan defendan pertama (Dr. Mahathir),” katanya dalam balasan terhadap pernyataan pembelaan.

Pada 13 Oktober lalu, Mohamed Apandi memfailkan saman terhadap Dr. Mahathir dan Kerajaan Malaysia yang dinamakan sebagai defendan per-

tama dan kedua atas dakwaan bekas Perdana Menteri itu telah menyalahgunakan kuasanya sehingga menyebabkan beliau kehilangan jawatan tertinggi dalam Jabatan Peguam Negara, dua tahun lalu.

Sementara itu, Dr. Mahathir dalam pembelaannya menyatakan dakwaan Mohamed Apandi bahawa penamatan kontraknya adalah menyalahi undang-undang adalah satu tanggapan yang salah dan tidak mempunyai asas.

Peguam Baljit Singh ketika dihubungi memaklumkan pihaknya akan memfailkan permohonan penzahiran dokumen yang akan digunakan dalam kes itu pada 11 Disember ini.

Menurut pernyataan tuntutan, Mohamed Apandi mendakwa perkhidmatannya sebagai Peguam Negara yang sepatutnya tamat pada 26 Julai 2018 telah dilanjutkan daripada 27 Julai 2018

hingga 26 Julai 2021.

Bagaimanapun, selepas Pakatan Harapan memenangi pilihan raya umum ke-14 dan Dr. Mahathir dilantik menjadi Perdana Menteri, plaintiff telah diarahkan bercuti tanpa rekod selama 30 hari bermula 14 Mei 2018 sebelum dipecat.

Pemecatan tersebut dakwa Mohamed Apandi telah menyebabkan beliau kehilangan punca pendapatan bagi tempoh 27 Julai 2018 hingga 26 Julai 2021, elaun keraian, perumahan, perubatan, elauan khas Peguam Negara, pampasan cuti dan faedah-faedah lain berjumlah melebihi RM2 juta.

Plaintif juga memohon ganti rugi khas berjumlah RM2,233,599.36, ganti rugi am dan teladan yang tidak dinyatakan jumlahnya serta kos. Turut dimohon ialah relif-relif lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.